

# Kita tidak perlukan komen luar UM - 16/10/2006

KOTA KINABALU 15 OKT. - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menegaskan Malaysia tidak memerlukan kepakaran luar untuk membuat teguran mengenai urusan pentadbiran negara yang jauh lebih rumit dan mencabar.

Ini kerana, katanya, rakyat dan kerajaan Malaysia lebih mengetahui dan memahami masalah yang berlaku dalam negara ini.

"Bukan kerana kita angkuh atau sombong, kita tetap dengan rendah diri tetapi kerana kita lebih tahu (keadaan negara) daripada orang luar.

"Kita sama sekali tidak menghargai komen orang luar mengenai negara kita seolah-olah dia (negara luar) lebih tahu tentang keadaan di sini," katanya semasa berucap pada majlis berbuka puasa anjuran UMNO Sabah, di sini malam ini.

Turut hadir Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman, menteri Kabinet negeri dan parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) negeri.

Menurut Najib, Malaysia tidak memerlukan komen mengenai pentadbiran negara daripada pihak luar apatah lagi daripada sebuah negara yang hampir homogen dan lebih kecil.

Beliau berkata, kerajaan akan meneruskan semangat BN yang mengamalkan konsep permuafakatan kaum dan saling hormat-menghormati sesama sendiri.

Katanya, semua pihak khususnya anggota BN perlu yakin dengan amalan tersebut yang telah terbukti berjaya pada ketika ini membina perpaduan yang kukuh dan bersatu-padu.

"Ini bukan bermakna kita tidak mempunyai masalah, semua kaum ada (masalah) tetapi ia bukanlah sesuatu yang tidak dapat diatasi," ujar beliau.

Dalam pada itu, beliau turut memberi jaminan bahawa masalah-masalah yang melanda Sabah akan sentiasa mendapat perhatian daripada Kerajaan Pusat.

"Kita sedar, masalah pendatang asing tanpa izin (PATI) di sini, kita akan berusaha mencari jalan memberi tekanan kepada negara jiran, meningkatkan kerjasama dan penguatkuasaan," jelasnya.

Dalam pada itu, Najib turut mengumumkan bahawa sebanyak RM50 juta hasil daripada keuntungan Felda di negeri ini, akan disalurkan kembali di sini, bagi program membasmi kemiskinan.